



Solat bersama mahasiswa Uniten

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menunaikan solat Jumaat di Masjid Universiti Tenaga Nasional (Uniten) bersama penuntut universiti itu.

Ketibaan beliau yang diiringi Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad kira-kira pukul 1

petang disambut ribuan penuntut Uniten.

Solat Jumaat di Masjid Uniten semalam dilimamkan pelajar tahfiz Uniten, Muhammad Fadzreen Muhamad Fadzil manakala khutbah disampaikan pensyarah tahfiz Uniten, Amaluddin Arshad.

Anaknya, Nurul Izzah adalah alumni Uniten yang mengambil

kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pada 2004.

■ ANWAR Ibrahim beramah mesra bersama jemaah sebelum meninggalkan masjid selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Uniten di Kajang, Selangor, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN